

400 penuntut UMP terima juadah raya

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - Mei 14, 2021 @ 9:08am
bhnews@bh.com.my



Pegawai Khas Ahli Parlimen Pekan, Datuk Nor Azita Abdul Rahman (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan juadah raya kepada Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar MPP) Kampus Pekan, Amir Zuhaili Abdul Karim (dua dari kiri). - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

PEKAN: Pejabat Ahli Parlimen Pekan mengagihkan 400 bungkusan kuih raya kepada penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Pekan yang tidak berpeluang pulang ke kampung pada Aidilfitri.

Pegawai Khas Ahli Parlimen Pekan, Datuk Nor Azita Abdul Rahman, berkata selain kuih raya pihaknya turut memberi ketupat segera bersama kuah kacang serta minuman susu segar.

Katanya, juadah berkenaan diharap dapat mengubat kerinduan pelajar terbabit yang tidak berpeluang menyambut Aidilfitri bersama keluarga masing-masing di kampung halaman.

"Juah raya yang diberikan sedikit sebanyak dapat mengurangkan tekanan dalam kalangan penuntut yang terpaksa menyambut Aidilfitri jauh daripada keluarga, berikutan PKP dan difahamkan rata-rata mereka kali pertama beraya di asrama bersama rakan.

"Kita simpati dengan penuntut terbabit yang pastinya, bersedih dan keputusan menyediakan juadah raya mendapat persetujuan Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Razak," katanya selepas menyerahkan sumbangan juadah raya kepada Timbalan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kampus Pekan, di sini, semalam.

Nor Azita berkata, pihaknya tidak pernah melupakan golongan penuntut yang datang dari seluruh negara untuk menuntut ilmu di daerah ini, pengorbanan mereka begitu bermakna untuk masa depan diri mereka termasuk negara.

Bagi Amir Zuhaili, dia bagi pihak penuntut mengucapkan terima kasih kepada Ahli Parlimen Pekan yang sudi menyediakan juadah raya untuk kami yang tidak dapat pulang ke kampung disebabkan PKP.

"Kuih raya dan ketupat yang disediakan dapat mengubat kerinduan keluarga di kampung, pengorbanan kami di sini masih dihargai.

"Kami reda dengan apa yang melanda negara kini, disebabkan wabak COVID-19 semua aktiviti terpaksa dibatalkan," katanya.